

PEGAWAI KANAN TUDM DAN AHLI JEMAAH TERTINGGI BAKAT UDARA DIKURNIAKAN DARJAH KEBESARAN NEGERI PAHANG

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4038-pegawai-kanan-tudm-dan-ahli-jemaah-tertinggi-bakat-udara-dikurniakan-darjah-kebesaran-negeri-pahang

PEKAN, 24 Okt 18 - Seorang Pegawai Kanan TUDM dan tiga ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Udara antara penerima Darjah Kebesaran Negeri Pahang sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

Dalam istiadat ini, AKS Perancang Pertahanan Markas ATM, Mej Jen Dato' Roshaimi bin Zakaria TUDM dan Datin Sri Norainy bte Shahar Alam (Isteri Timbalan Panglima Tentera Udara) telah dikurniakan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P) yang membawa gelaran Dato'. Manakala Datin Sri Hj Normah bte Mad Sap (Isteri Panglima Operasi Udara) dan Datin Sabrina Cheong bte Abdullah (Isteri AKS Kejuruteraan) masing-masing dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) yang membawa gelaran Dato'.

Istiadat yang berlangsung di Balairung Seri Istana Abu Bakar telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Hadir sama menyaksikan Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hj Tengku Muhaini binti Sultan Hj Ahmad Shah.

Sekalung tahniah diucapkan kepada YBhg Dato'-Dato.



